

MENEROKAI RUMAH MELAYU MELALUI PELANCONGAN PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY

¹Maisarah Mohd Rabu, ²Norngainy Mohd Tawil, ²Shamshubaridah Ramlee,
¹Habibah Ahmad
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan¹
Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS²
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. Malaysia.

maisarahrabu@gmail.com, norngainy@ukm.edu.my, baridah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Isu pembangunan luar bandar sering menjadi perhatian dan agenda utama setiap negara. Malahan pihak kerajaan juga sangat memberikan penekanan terhadap peranan dan penglibatan komuniti tempatan dalam membangunkan kawasan luar bandar secara amnya. Hal ini bertujuan untuk membantu meningkatkan pendapatan penduduk dan secara tidak langsung dapat membasmi kemiskinan. Salah satunya adalah melalui program homestay yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan pelancong sama ada dari dalam mahupun luar Negara. Meskipun program homestay mendapat sokongan dan galakkan daripada Kerajaan mahupun agensi luar, ianya tetap menunjukkan perbezaan jurang yang sangat ketara. Kajian perbandingan di homestay yang terlibat dilihat menerusi jumlah pelancong ke homestay dan jumlah pendapatan tahunan yang tertinggi, sederhana dan rendah. Kajian ini akan mengupas faktor-faktor yang menjadi penentu kepada keberkesanan program homestay dan makna sebenar homestay di Malaysia. Penyelidikan yang dilaksanakan adalah untuk melihat rumah melayu melalui Program Pengalaman Homestay dan menilai keberkesanan program di Homestay Negeri Sembilan.

Keywords: *Homestay, Pelancongan, indikator keberkesanan homestay, rumah*

PENGENALAN

Sektor pelancongan merupakan salah satu peluang banyak diceburi selepas penstrukturan semula ekonomi penduduk luar bandar. Menurut (Butler, 1980), pembangunan sesuatu destinasi pelancongan adalah melalui suatu proses evolusi, melainkan destinasi yang dirancang. Umumnya, pembangunan sesuatu destinasi pelancongan melalui empat tahap; iaitu tahap penerokaan, penglibatan, pembangunan, dan tepu. Proses globalisasi mendorong negara untuk membangunkan sektor pelancongan seiring dengan kemajuan ekonomi. Keadaan ini menunjukkan aktiviti pelancongan merupakan salah satu sektor ekonomi yang penting dan turut menjadi penyumbang utama dalam sektor perkhidmatan khususnya di Malaysia. Oleh itu, bagi memastikan sektor pelancongan bertambah maju pelbagai kaedah pemasaran dan promosi telah dijalankan untuk menggalakkan lagi kedatangan pelancong ke negara ini. Menurut (Mapjabil, 2011), dari aspek penginapan pelancong, pelancongan berasaskan komuniti berkait rapat dengan program inap desa atau juga dikenali sebagai program *homestay*, yang mana pelancong akan melancong ke suatu kawasan di luar bandar dengan tujuan untuk mengenali budaya yang terdapat di kawasan tersebut, menikmati keindahan alam semulajadi, dan pelancong juga berpeluang untuk tinggal bersama tuan rumah di *homestay* yang dipilih.

Di Malaysia, program ini telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia pada tahun 1998 sebagai salah satu bentuk penginapan alternatif yang ditawarkan kepada para pelancong yang mengunjungi negara ini. Kerajaan telah menekankan pembangunan program homestay kerana ia adalah salah satu produk pelancongan yang perlu diperkasakan di negara ini (Mapjabil & Che Ismail, 2012). Perkembangan yang positif dalam jumlah kedatangan serta perbelanjaan purata pelancong asing tersebut, kerajaan juga telah banyak menjalankan aktiviti-aktiviti pelancongan bagi peningkatan pendapatan Negara (Johan A et. Al., 2009). Malahan bagi menggalakkan penglibatan komuniti dalam program homestay, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 28.9 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9) bagi tahun 2006-2010 dan RM 10 juta di bawah Pakej Ransangan Ekonomi kedua Homestay untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2009 dan tahun 2010. Selain itu, bagi perbelanjaan mengurus homestay, kerajaan telah menyediakan peruntukan melalui Peruntukan Dasar Baru Homestay tahun 2009 sebanyak RM 5000 dan Pakej Ransangan Ekonomi Kedua Homestay pada tahun 2009 sebanyak RM 10 juta (Suraini, 2004). Program Homestay adalah salah satu program di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar yang bermatlamat untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan penduduk luar bandar dalam sektor pelancongan. Kerajaan telah pun memberikan perhatian terhadap pembangunan homestay melalui dasar-dasar yang telah dirangka. Kerajaan juga telah meletakkan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh semua peserta program homestay dari segi aspek keselamatan, kesihatan, kualiti kemudahan dan perkhidmatan yang jelas dikhuatiri pembangunan homestay tidak dapat mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan. (*Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Kelantan*)

Program pertama homestay di Malaysia telah dilancarkan pada tahun 1995 di Desa Murni, Kerdu, Temerloh, Pahang oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Di Malaysia, program homestay lebih dikenali sebagai penginapan bersama-sama keluarga angkat dan akan menjalani aktiviti bersama keluarga angkat sambil terlibat dalam aktiviti tradisional dan aktiviti bersama penduduk kampung. Dalam konteks ini, pelancong akan berpeluang untuk menyaksikan kepelbagaian adat dan budaya hidup masyarakat tempatan yang pastinya mempunyai keunikan dan keistimewaan mereka yang tersendiri. Manakala di luar negara, program homestay mrangkumi pelbagai terma yang merujuk kepada penginapan pelancong tinggal dengan tuan rumah antaranya *fram stay*, *agricultural homestay*, *home visit system* serta *bed and breakfast*.

Melalui pembangunan homestay yang terancang, pelancongan dapat membantu melindungi alam sekitar, memelihara dan memulihara aspek warisan kebudayaan serta meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat sekiranya kaedah pembangunan kekal dipraktikkan dan dilaksanakan dalam kesemua peringkat pembangunannya (Mohamad Zaki, et al., 2011). Objektif pembangunan yang kekal mampu dicapai melalui program homestay sekiranya kesedaran terhadap penggunaan sumber warisan alam semulajadi dan elemen warisan budaya terancang dengan lebih tersusun.

PERNYATAAN MASALAH

Kekayaan adalah dinilai bukan sahaja melalui nilai ringgit, tetapi terhadap warisan dan budaya tidak terkecuali. Di Malaysia misalnya, ianya menunjukkan impak yang sangat tinggi terhadap sektor produk pelancongan. Industri pelancongan homestay dilihat berjalan seiring dengan arus pembangunan pelancongan Negara. Ini dapat dilihat menerusi pendapatan ekonomi Negara meningkat melalui jumlah pendapatan homestay pada tahun 2014 iaitu sebanyak RM 23,229,550.50, 7.7% peningkatannya dari tahun 2013, RM

21,570,949.20. Jumlah peningkatan ketibaan pelancong ke homestay pula seramai 367,473 orang, iaitu peningkatan sebanyak 4.7% berbanding pada tahun 2013.

Namun begitu, walaupun ketibaan pelancong bertambah, kajian yang dibuat berkaitan faktor-faktor yang diperlukan untuk mencapai kepentingan bagi mengekalkan konsep sebenar homestay di Malaysia iaitu pengalaman tinggal bersama penduduk kampung homestay dan menikmati aktiviti dan budaya adalah sederhana. Sifat keserataan dilihat adalah tidak seimbang di setiap homestay. Justeru, kajian perbandingan di homestay yang terlibat dilihat menerusi jumlah pelancong ke homestay dan jumlah pendapatan tahunan yang tertinggi, sederhana dan rendah. Meskipun program homestay mendapat sokongan dan galakkan daripada Kerajaan mahupun agensi luar, ianya tetap menunjukkan perbezaan jurang yang sangat ketara. Kajian ini akan mengupas faktor-faktor yang menjadi penentu kepada keberkesanan program homestay dan makna sebenar homestay di Malaysia. Ini seterusnya dapat menilai dan mengekalkan prestasi industri pelancongan supaya berkembang lebih maju lagi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif Pendekatan kuantitatif dilakukan melalui hasil borang soal selidik dan temu bual berstruktur serta terbuka. Pendekatan ini digunakan bagi mengetahui objektif yang dibincangkan bagi mendapatkan perincian mengenai homestay di Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan data primer dan sekunder yang didapati daripada pelbagai bahan dan sumber antara tahun 2010 hingga 2015. Melalui maklumat dengan menggunakan data primer, kaedah ini diperolehi terus melalui melalui responden. Oleh itu, antara kaedah primer yang penyelidik telah gunakan ialah temu bual secara berstruktur, temu bual secara terbuka dan pemerhatian langsung serta penggunaan soal selidik. Temu bual ini merujuk kepada interaksi antara penyelidik dengan responden. Kajian ini menggunakan temu bual secara berstruktur dan temu bual secara terbuka di mana soalan-soalan yang diajukan oleh peserta dirancang bagi mendapatkan pelbagai respons. Pelbagai respons yang diberikan oleh pengusaha di dalam program ini bagi membantu dapatan kajian lebih fokus dan menyeluruh tentang kawasan dan pandangan kajian. Data-data yang telah diperolehi dari borang soal-selidik dianalisa mengikut program *Statistical Package for the Social SPSS (SPSS)*. Penganalisaan ini dapat menghasilkan pengiraan yang jitu. Analisa data ini dibincangkan di bawah tajuk hasil dan perbincangan.

SKOP KAJIAN

Kajian ini akan melibatkan responden yang terdiri daripada pengusaha homestay dan pelancong yang telah datang ke homestay di Negeri Sembilan. Faktor penilaian keberkesanan diukur melalui indikator Ekonomi, Sosial, Alam Sekitar, Teknologi, sokongan institusi dan kesediaan individu yang dilihat mampu menilai keberkesanan program pengalaman homestay.

RUMUSAN

Program homestay menawarkan pelbagai pakej kepada para pelancong yang ingin menyertai program homestay mengikut pilihan mereka. Program ini mampu mengubah kemajuan sesebuah kampung yang merupakan salah satu agenda pembangunan negara. Walaupun menghadapi pelbagai kekangan yang membelenggu bagi memastikan program tersebut berjaya tetapi mereka mampu untuk mengharuminya dengan adanya kekuatan dan dorongan semangat daripada pelbagai pihak sehingga pengusaha homestay mampu untuk membawa program ke tahap yang lebih baik.

Salah satu cara untuk memastikan homestay ini terus membangun adalah promosi yang dijalankan melalui media massa terutamanya media elektronik. Keadaan ini bertepatan dengan tujuan utama kajian ini dijalankan iaitu untuk merasai sendiri pengalaman sendiri tinggal di homestay dan seterusnya membina sebuah laman web bagi mempromosikan homestay ini seluruh negara sehingga dapat berkembang maju dan mampu meningkatkan pendapatan sampingan penduduk. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa, konsep homestay yang diterapkan oleh kerajaan dan pengisian aktiviti dengan penglibatan penduduk kampung secara langsung dalam memberi manfaat dan nilai tambah kepada penduduk kampung, peserta homestay, pelancong dan kampung itu sendiri.

Kesan pelancongan budaya memberi peningkatan positif terhadap taraf sosioekonomi masyarakat tempatan meliputi aspek penawaran peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan, peningkatan kualiti kemudahan dan infrastruktur, menggalakkan keusahawanan, pemeliharaan warisan kebudayaan masyarakat budaya tradisional penduduk yang hampir tenggelam dapat diamalkan serta memastikan keberkesannya, pembaharuan nilai budaya penduduk tempatan dimana mereka berasa bangga dengan budaya yang dimiliki serta berfikiran terbuka dengan budaya pelancong asing. Pembukaan homestay di kawasan luar bandar dilihat mampu memberikan impak positif kepada masyarakat setempat kerana ia mampu memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk menjana pendapatan sekaligus menambahkan lagi pendapatan isi rumah penduduk itu sendiri. Melalui program ini, masyarakat setempat turut merasai pembangunan sosioekonomi yang lebih baik. Secara umumnya, hasil daripada kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan perjalanan program. Kepentingan ini bersesuaian dengan fungsi kementerian, agensi mahupun masyarakat setempat.

RUJUKAN

- Butler, R.W. 1980. *The concept of a tourist area cycle of evolution: Implication for management of resources*. Canadian Geographer, 24: 5-12.
- Mapjabil J, Che Ismail S (2012) Program homestay di Sungai Semilang, Pulau Pinang: Pembangunan dan perubahan persekitaran. In: Mapjabil J, Din KH (eds) *Pelancongan di Malaysia: Isu-isu penyelidikan terpilih*. Universiti Utara Malaysia Press, Sintok.
- Mapjabil, J., Rosdi, S. A. M., Shuib, M., & Abdullah, S. 2011. Pembangunan Program Homestay Di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia: Profil, Produk Dan Prospek. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 7(2), 45-54.
- Johan Afendi Ibrahim & Mohamad Zaki Ahmad. 2009. *Program Homestay Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi Luar Bandar, Kajian Kes: Negeri-Negeri Utara Semenanjung Malaysia (Homestay Program Rural Economic Growth Catalyst, Case Study: The States North Peninsular Malaysia): Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV) Memacu Pembangunan Ekonomi Dalam Ketidaktentuan Persekitaran Global Kuantan, Pahang*.
- Suraini Ismail, Jabil Mapjabil & Tarmiji Masron. 2014. Analisis SWOT Terhadap Program Homestay Sebagai Pemangkin Pembangunan Komuniti Luar Bandar Di Malaysia: *International Journal Of Environment, Society And Space*, 2014, 2 (2), 50-59.
- Mohamad Zaki A, Johan Afendi I, Norria Z, (2011), *Inap Desa sebagai Satu Agen Pembangunan Sosioekonomi Komuniti: Menelusuri Perspektif Pelajar-Pelajar Pengurusan Pelancongan UUM*, Prosiding Perkem IV, Jilid 2; 481-493